

# PM: UMNO akan buktikan fatwa Pas menyeleweng

UM - 6 FEB 2000

KUALA LUMPUR 5 Feb.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO akan mengemukakan bukti bahawa parti pembangkang Pas banyak membuat fatwa yang menyimpang daripada akidah Islam.

Menurut Presiden UMNO itu, maklumat yang lengkap mengenainya sedang dikumpulkan oleh parti sebelum langkah seterusnya diambil.

“Kita akan buktikan. Kita sedang mendapatkan maklumat,” kata Perdana Menteri kepada pemberita pada majlis sambutan Tahun Baru Cina MCA di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Samy Vellu serta menteri-menteri kabinet lain termasuk Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Dr. Rais Yatim.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang meminta UMNO membuktikan tuduhan bahawa parti itu banyak menyebarkan fatwa yang bercanggah dengan akidah Islam.

---

## Kelemahan

Kata Fadzil, tuduhan tersebut adalah melampau dan keterlaluan kerana ia dibuat tanpa asas yang kukuh untuk membolehkan seseorang itu dituduh menyeleweng dari akidah Islam.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir mengakui terdapat kelemahan tertentu pada kod etika UMNO yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi (MT) baru-baru ini.

Bagaimanapun menurut beliau, yang lebih penting ialah ahli UMNO hendaklah berpegang kepada semangat yang cuba diterapkan oleh parti.

“Ia dibuat untuk mengelakkan salah guna wang di kalangan ahli UMNO. Terpulanglah kepada ahli UMNO,” katanya.

Pelbagai pihak memberikan reaksi yang berbeza mengenai kod etika tersebut. Ada yang menyifatkan ia sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada calon yang bertanding.

Selain itu ada juga yang merasakan ia mendatangkan masalah kepada perwakilan apabila tidak ada pihak yang menaja penginapan serta perbelanjaan mereka semasa menghadiri Perhimpunan Agung UMNO nanti.